

**"Pencemaran menyebabkan
kekurangan spesies ketam nipah
di sepanjang sungai berkenaan
Syed Salikin Syed Ali**



HARIAN METRO



MUSTAFFA (kiri) melihat keadaan Sungai Nyior dekat Balok yang tercemar serta berbau busuk.

■ Sungai tercemar tanpa sebarang tindakan pemuliharaan

Khairulmizan Yahya
am@hmetro.com.my

Kuantan

Selepas lebih lima bulan isu pencemaran Sungai Balok, di sini, disuarakan penduduk, keadaan sungai itu yang hitam pekat serta berbau busuk masih tidak berubah.

Ia kini menjadi persoalan dalam kalangan penduduk terutama golongan nelayan yang bergantung hasil sungai berkenaan.

Mereka tidak mendapat gambaran jelas mengenai penyelesaian masalah dihadapi.

Harian Metro sebelum ini pernah mendedahkan mengenai masalah pencemaran sungai berkenaan pada Mac lalu dan hasil analisis Jabatan

Alam Sekitar (JAS) negeri mendedahkan air sungai berkenaan mengandungi bakteria E-Coli yang tinggi.

Sekali lagi Harian Metro membuat tinjauan di sekitar sungai itu, semalam, termasuk di Sungai Nyior, di sini, yang dikatakan menjadi punca aliran air tercemar dan pemerhatian mendapati keadaannya masih sama seperti kunjungan kali pertama dulu.

Malah, sungai itu yang sebelum ini menjadi 'syurga' bagi kaki pancing serta lokasi tumpuan orang ramai beriadah bersama keluarga sambil mencari kepah terutama di muara sungai kini sunyi tanpa sebarang aktiviti.

Seorang penduduk Mustaffa Ibrahim, 52, berkata sepanjang tempoh berkenaan tiada sebarang perubahan

dengan keadaan sungai itu malah penduduk terutama yang tinggal berhampiran dengannya semakin rimas dengan bau busuk.

"Kami tahu pihak berwajib mengambil tindakan dengan mengambil sampel air, namun kami perlu tahu apakah punca sebenar menyebabkan pencemaran sungai ini selain apakah langkah diambil pihak berkenaan untuk memulihkannya," katanya ketika ditemui Harian Metro, di sini, semalam.

Mustaffa yang juga nelayan berkata, keadaan sungai yang berbau busuk turut menjejaskan aktiviti nelayan termasuk dirinya kerana sejak pencemaran itu berlaku, dia tidak lagi membasuh bot dan enjin sangkut di jeti kerana air kotor selain tidak tahan bau busuk.

Sementara itu, Syed Salikin Syed Ali, 50, berkata, pencemaran menyebabkan kekurangan spesies ketam nipah di sepanjang sungai berkenaan sekali gus menjejaskan pendapatan penduduk yang bekerja menangkap hidupan air itu.

Dia yang sudah 20 tahun bekerja sambil menangkap ketam nipah berkata, jumlah tangkapan semakin merudum sejak pencemaran berlaku di sungai berkenaan malah kini hanya mampu menangkap setengah kilogram ketam sehari berbanding tiga atau empat kilogram sebelum ini.

"Saya dikira bernasib baik kerana mempunyai pekerjaan tetap namun bersimpati dengan nasib rakan lain yang hanya bergantung sepenuhnya dengan pekerjaan ini," katanya.